

14 APR 1998

Mahathir-Internet

INTERNET DISALAH GUNA SEBAR "SURAT LAYANG", KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata penyebaran surat layang menerusi Internet merupakan satu penyalahgunaannya.

"Dalam Internet sekarang, kita boleh lihat surat layang, (dan) pelbagai perkara lagi," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan satu seminar realiti maya di sini.

"Kita jangkakan dengan adanya Internet dan tanpa perlu penapisan, orang ramai akan bercakap benar tetapi mereka gunakan Internet untuk menyebarkan fitnah," katanya.

Dr Mahathir diminta menghuraikan ucapannya bahawa teknologi baru seperti realiti maya, seperti juga ciptaan manusia yang lain, boleh dimanfaatkan atau memudaratkan manusia.

"Kita tidak dapat mengatasi bahaya...dengan Internet dan perhubungan menjangkau sempadan secara percuma ini, apa yang akan berlaku ialah pelbagai jenis perkara yang tidak dapat diterima akan muncul.

"Itulah sebabnya, kita perlu hidupkan semula etika, nilai dan sebagainya...kerana benteng sebenarnya ialah dalam diri sendiri," kata beliau.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir memuji Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kerana inisiatifnya menganjur seminar dua hari itu.

"Walaupun secara amnya UNIMAS masih baru, ia berpotensi menerokai bidang baru menerusi inovasi dan kerjasama dengan institusi antarabangsa," katanya.

Dr Mahathir berkata institusi antarabangsa seperti Fraunhofer IAO dari Jerman, University of Nottingham dari United Kingdom dan Linkoping University dari Sweden telah mencipta nama dalam projek realiti maya.

Beliau berkata langkah UNIMAS untuk menubuhkan Pusat Realiti di Taman Teknologi Malaysia kena pada masanya.

"Untuk menjadikannya satu realiti, pelaburan dalam pusat itu amat diperlukan," kata Dr Mahathir sambil menyeru pertubuhan dan industri luar negara dan tempatan bekerjasama dan menubuhkan satu konsortium bagi menyokong inisiatif itu. -- BERNAMA

AZZ MAI